



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)  
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**7 NOVEMBER 2022**

**PAKAR BINCANG MAJUKAN BIDANG STANDARDISASI NEGARA**

KLIA, 7 NOVEMBER – Kerajaan telah berjaya himpukkan lebih daripada 200 pakar dalam bidang standardisasi yang terdiri daripada Pengurus dan pakar Jawatankuasa Pembangunan Standard di bawah JSM. Ini amat kritikal bagi memastikan pembangunan dokumen Malaysian Standard (MS) bagi setiap tahun mencapai jumlah yang disasarkan iaitu pada tahun 2020, 403 MS pada tahun 2021 dan pada tahun 2022 sasaran adalah sebanyak 350 MS dapat dibangunkan.

*“Komitmen dan usaha pakar dalam membangunkan standard yang dapat menjamin kualiti dan kesejahteraan rakyat Malaysia haruslah diberi pujian dan penghargaan. Hal ini jelas sekali menunjukkan bahawa pakar-pakar di bawah JSM memikul amanah yang cukup mencabar untuk menjadikan standard yang dibangunkan mampu bersaing pada peringkat global”*, kata Ir. Ahmad Fauzi Hasan dalam Forum Bersama Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Standard.

Penglibatan pakar-pakar profesional muda turut dibincangkan kerana mereka adalah pelapis dan aset negara dalam bidang standardisasi. Sehubungan itu, JSM sememangnya menggalakkan penyertaan daripada golongan profesional muda

bukan sahaja untuk melibatkan diri di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa bagi memastikan sistem standardisasi kebangsaan yang pada masa hadapan menjadi lebih teratur, progresif dan responsif kepada keperluan semasa serta cabaran di peringkat global.

Penganjuran forum ini adalah bagi membincangkan perkara berkaitan pengurusan dan aktiviti standardisasi bagi tujuan menambahbaik proses sedia ada agar ianya memenuhi kehendak pakar-pakar selaku tunjang utama proses pembangunan standard. Antara perkara lain yang dibincangkan adalah pembangunan standard yang perlu mengambil kira elemen sains iklim dan menyokong **Sustainable Development Goals (SDG)**, insentif dalam bidang standardisasi, program promosi dan keperluan kepakaran dalam bidang-bidang yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang pesat.

**“Kami amat berterima kasih kepada JSM atas penganjuran forum ini. Semoga forum ini dapat diadakan secara berkala pada masa akan datang bagi memastikan idea-idea baharu dan persoalan yang ada dapat disuarakan secara terus. Secara tidak langsung penganjuran forum secara fizikal ini dapat menjadi platform bagi perbincangan yang lebih menyeluruh dan efektif”**, kata Prof. Madya Dr. Mohd Farid bin Muhamad Said (Pengerusi NSC 12/TC 7 - Propulsion, Powertrain and Powertrain Fluids), Universiti Teknologi Malaysia dan Dr. Norhayati Moris, Nab Pengerusi NSC 14/1/TC 1 - Rubber and Rubber Products, Scientia Solution Sdn Bhd.

Adalah diharapkan dengan penganjuran forum ini, pakar-pakar dapat mencabar diri sendiri dan memastikan diri dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran yang bersifat holistik. Ini adalah penting untuk memperkasa bidang standardisasi negara agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

**-TAMAT-**

## **Mengenai Jabatan Standard Malaysia (JSM)**

Jabatan Standard Malaysia (JSM) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549).

Jabatan Standard Malaysia adalah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab membangun dan menggalakkan penggunaan Malaysian Standard (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada makmal, badan pensijilan dan badan pemeriksaan. Ini seterusnya akan membangun industri tempatan, memudahkan perdagangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di [www.jsm.gov.my](http://www.jsm.gov.my), Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS\_MY dan Instagram: standards\_my

---

Unit Komunikasi Strategik

Jabatan Standard Malaysia

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Telefon: 03-8008 2891 Faks: 03-8008 2901

E-mel: noor\_hidayah@jsm.gov.my